



ASYIK... Dr. Wan Azizah (kanan) menunjukkan sijil kursus untuk ahli BAKTI yang diterimanya bersama para peserta yang lain kepada Dr. Siti Hasmah (kiri) di Institut Diplomasi dan Hubungan Luar Negeri (IDHL), Jalan Ilmu, Kuala Lumpur, semalam.

BAKTI: Isteri wakil rakyat bertuah

KUALA LUMPUR 5 April — Isteri-isteri wakil rakyat di negara ini bertuah kerana mereka berpeluang mengikuti kursus anjuran Badan Amal dan Kebajikan Tenaga Isteri (BAKTI) yang mendedahkan mereka dengan isu-isu dalam negara dan antarabangsa.

Isteri Perdana Menteri, Datin Seri Dr. Siti Hasmah Mohd. Ali berkata, BAKTI adalah satu-satunya pertubuhan di rantau ini malahan di dunia yang menganjurkan kursus seumpama itu kepada isteri-isteri wakil rakyat.

Dr. Siti Hasmah yang juga Yang Dipertua BAKTI berkata, beliau, yang sering mengikuti lawatan ke luar negara bersama Perdana Menteri mendapati tiada satu negara pun yang mengendalikannya kursus seumpama ini khasnya untuk isteri wakil rakyat.

"Kursus ini telah berjaya menepati objektif asal kursus dan berjaya-

ya meningkatkan keyakinan para peserta," katanya semasa berucap menutup kursus ahli-ahli BAKTI di Institut Diplomasi dan Hubungan Luar Negeri (IDHL) di sini hari ini.

Kursus yang diadakan selama empat minggu itu bertujuan untuk meningkatkan pengetahuan para ahli mengenai dasar-dasar kerajaan serta isu-isu semasa yang penting sama ada isu dalam negeri atau antarabangsa.

Sepanjang kursus itu, para peserta didedahkan dengan aspek protokol, komunikasi dan etika sosial yang bertujuan untuk melengkapkan diri dengan pengetahuan yang secukupnya supaya dapat menyesuaikan diri dalam sebarang suasana iaitu dari istana hingga kepada penduduk desa.

Ia juga bertujuan meningkatkan mutu dan daya kepimpinan para peserta supaya dapat memberi sumbangan yang berkesan kepada suami masing-masing.

Selain daripada menghadiri perbincangan di bilik kuliah, para peserta kursus juga dibawa melawat sambil belajar ke beberapa tempat yang menarik serta menghadiri latihan praktikal dalam bidang pengucapan awam dan komunikasi sosial.

Dr. Siti Hasmah berkata, kursus ini telah menepati objektif-objektif asalnya dan berjaya meningkatkan keyakinan para peserta dan secara langsung, mereka dapat menyesuaikan diri dengan cepat dan mudah dalam bentuk apa jua situasi termasuk normal, sosial dan peribadi.

Seramai 27 ahli BAKTI menghadiri kursus ini termasuk lima isteri menteri, sembilan isteri Timbalan Menteri dan lapan isteri setiausaha Parlimen. Antaranya ialah isteri Timbalan Perdana Menteri, Datin Seri Dr. Wan Azizah Datuk Dr. Wan Ismail yang juga selaku Naib Yang Dipertua BAKTI.